

LAMPIRAN A

HADIAH PENULISAN DAN PENERBITAN MAJALAH SEKOLAH MENENGAH NEGERI SARAWAK 2009

Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak sebagai badan pengembangan bahasa dan sastera kebangsaan, dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak menganjurkan projek peraduan penulisan dan penerbitan majalah di peringkat sekolah menengah seluruh negeri Sarawak. Projek ini dinamai **Hadiah Penulisan dan Penerbitan Majalah Sekolah–Sekolah Menengah Negeri Sarawak**, dan menjadi projek tahunan mulai tahun 1997.

1. OBJEKTIF

- (1) Mencungkil bakat penulisan di kalangan pelajar dalam bahasa Melayu.
- (2) Menggalakkan dan memupuk minat pelajar dalam bidang penulisan kreatif dan deskriptif.
- (3) Menggalakkan usaha yang bersungguh-sungguh di kalangan pelajar dalam penerbitan majalah sekolah yang bermutu.
- (4) Memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada usaha pemupukan minat dan bakat para pelajar yang berkebolehan menghasilkan karya-karya yang bermutu, yang juga sebahagian daripada khazanah sastera dan ilmu negara serta penghargaan dan pengiktirafan kepada usaha pihak sekolah menerbitkan majalah sekolah yang bermutu.

2. KETERANGAN UMUM DAN SYARAT PENYERTAAN

- (1) Peraduan ini terbuka kepada semua sekolah menengah kebangsaan di seluruh negeri Sarawak.
- (2) Hanya **majalah tahunan rasmi sekolah terbitan tahun semasa** yang layak dipertimbangkan.
- (3) **Bahasa:** Jika majalah berkenaan diterbitkan dalam lebih daripada satu bahasa (pengantar), salah satu daripadanya mestilah **berbahasa Melayu**, dan kandungan Bahasa Melayunya mestilah **sekurang-kurangnya 60%**.
- (4) Sekolah-sekolah yang ingin mengambil bahagian hendaklah menghantar **dua (2) naskhah** majalah sekolah terbitan tahun semasa sebaik sahaja majalah tersebut terbit. Majalah berkenaan tidak akan dikembalikan.
- (5) **Tarikh tutup:** Majalah berkenaan hendaklah sampai dan diterima oleh pihak Urus Setia pada atau sebelum **2 April tahun berikutnya**.
- (6) Biaya pengiriman ditanggung pihak sekolah.
- (7) Bukti pos atau pengiriman tidak boleh dijadikan bukti penerimaan.
- (8) **Borang Penyertaan:** Pengiriman majalah hendaklah disertakan dengan borang rasmi yang disediakan dan boleh didapati daripada pihak Urus Setia. Borang berkenaan hendaklah diisi dengan lengkap. Borang yang tidak lengkap boleh menyebabkan penyertaan tidak dipertimbang. Borang ini boleh difotostat.

3. KATEGORI HADIAH

Bagi setiap majalah yang menyertai peraduan ini, tiga kategori hadiah akan dipertimbang/diberikan, iaitu kategori **KARYA** mengikut genre cerpen, esei dan puisi (sajak) dan kategori **MAJALAH TERBAIK (HADIAH KHAS)**.

Keterangan bagi setiap kategori berkenaan ialah seperti berikut :

3.1 KATEGORI KARYA (mengikut genre)

(1) **Genre**

Genre yang akan dipertimbang ialah :

- (i) Cerpen
- (ii) Esei (tidak termasuk laporan)
- (iii) Sajak

(2) **Kelayakan Penulis**

Pertimbangan untuk hadiah ini hanya terbuka kepada para pelajar yang sedang menuntut di sekolah berkenaan.

(3) **Perakuan dan Pencalonan Karya**

Hanya karya-karya yang diperakuan, dicalonkan oleh pihak sekolah dan diterbitkan dalam majalah tahunan sekolah yang akan dipertimbang. Pencalonan ini hendaklah dibuat dalam borang penyertaan rasmi.

(4) **Bilangan Karya**

Bilangan maksimum setiap karya/genre berkenaan yang boleh dicalonkan ialah **tiga (3) buah** (yakni tiga buah cerpen, tiga buah esei dan tiga buah sajak).

(5) **Pemilihan Karya oleh Pihak Sekolah**

Pihak sekolah atau Sidang Editor majalah sekolah digalakkan memilih **tiga (3) buah karya terbaik** bagi setiap genre untuk dimasukkan ke dalam majalah masing-masing. Cara pemilihan itu terpulang kepada pihak sekolah.

(6) **Bahasa Karya**

Hanya karya-karya dalam **bahasa Melayu** yang akan dipertimbang.

(7) **Tema**

Tema karya adalah bebas, tetapi tidak boleh menyentuh sebarang perkara sensitif daripada segi agama, politik, budaya dan seumpamanya, yang boleh menjejaskan keharmonian rakyat negara kita.

(8) **Keaslian Karya**

Semua karya hendaklah yang **asli**, hasil tulisan penulis/pelajar

sendiri, bukan saduran atau diciplak daripada mana-mana karya orang lain sama ada yang belum atau pernah diterbitkan. Karya asli berkenaan juga hendaklah yang belum pernah diterbitkan dalam mana-mana penerbitan. Penulis/pelajar hendaklah bersedia membuat perakuan terhadap keaslian karya masing-masing.

(9) **Panjang Karya**

3.2 KATEGORI MAJALAH TERBAIK (HADIAH KHAS)

Sebuah hadiah khas akan diberikan kepada majalah sekolah yang diakui oleh panel hakim sebagai **majalah terbaik secara keseluruhan**. Pertimbangan utama (70%) akan diberikan terhadap aspek bahasa dan penulisan/karya, manakala 30% pertimbangan akan diberikan kepada aspek-aspek teknikal dan kreativiti penerbitan, iaitu:

- (1) konsep dan reka bentuk kulit,
- (2) reka letak (*lay out*) dalaman ,
- (3) ilustrasi, gambar dan lain-lain,
- (4) format dan kreativiti penyampaian/persembahan secara keseluruhan.

4. PENGHAKIMAN

- (1) Semua penyertaan yang diterima akan dihakimi oleh panel hakim yang dilantik oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.
- (2) Keputusan panel hakim **muktamad**.

5. HADIAH

Hadiah yang disediakan untuk pemenang peraduan ini, mengikut kategori masing-masing, terdiri daripada :

5.1 Kategori Karya (mengikut genre)

Hadiah-hadiah bagi kategori ini diberikan kepada penulis karya berkenaan.

5.1.1 Cerpen

- Hadiah Pertama : Wang tunai RM500.00 dan sijil
- Hadiah Kedua : Wang tunai RM300.00 dan sijil
- Hadiah Ketiga : Wang tunai RM200.00 dan sijil
- 5 Hadiah Sagu Hati : Wang tunai RM100.00 dan sijil bagi setiap pemenang.

5.2.1 Esei

- Hadiah Pertama : Wang tunai RM500.00 dan sijil
- Hadiah Kedua : Wang tunai RM300.00 dan sijil
- Hadiah Ketiga : Wang tunai RM200.00 dan sijil
- 5 Hadiah Sagu Hati : Wang tunai RM100.00 dan sijil bagi setiap pemenang.

5.1.3 Sajak

- Hadiah Pertama : Wang tunai RM300.00 dan sijil
- Hadiah Kedua : Wang tunai RM250.00 dan sijil
- Hadiah Ketiga : Wang tunai RM200.00 dan sijil
- 5 Hadiah Sagu Hati : Wang tunai RM100.00 dan sijil bagi setiap pemenang.

JUMLAH

RM 4,250.00

5.3 Kategori Majalah Terbaik (Hadiah Khas)

Untuk kategori ini hanya satu hadiah disediakan iaitu wang tunai **RM3,000.00** dan sijil. Hadiah ini dinilai dari segi bahasa, isi kandungan dan keseluruhan majalah sekolah. Hadiah ini akan diberikan kepada pihak sekolah.

6. HAK TERHADAP KARYA DAN PENERBITAN

Hak cipta semua karya/penerbitan yang menyertai peraduan ini kepunyaan penulis/sekolah. Walau bagaimanapun, Dewan Bahasa dan Pustaka berhak menyiarkan/menerbitkan mana-mana karya terpilih, sama ada yang menang atau tidak, atau yang dicalonkan untuk peraduan ini atau tidak, dalam mana-mana penerbitan sama ada dalam akhbar atau penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Untuk tujuan ini, Dewan Bahasa dan Pustaka berhak menyunting karya berkenaan, jika perlu. Bagi karya yang disiarkan/diterbitkan itu, penulisnya akan menerima bayaran atau royalti mengikut kadar semasa yang diamalkan.

7. PENGUMUMAN KEPUTUSAN PERADUAN

Keputusan peraduan akan dimaklumkan kepada para pemenang melalui pos, dan juga melalui akhbar tempatan.

8. URUS SETIA

Sebarang pertanyaan dan penyertaan hendaklah ditujukan/dialamatkan kepada :

Urus Setia,
Hadiah Penulisan dan Penerbitan Majalah Sekolah Menengah,
Unit Pembangunan Karyawan,
Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak,
Peti Surat 1390,
93728 Kuching,
Sarawak.
(u.p. : Puan Marriya Haji Yusup)

Telefon : 082-444711 (samb. 312)
Faks : 082-/440260/444707
Mel Elektronik : ymarriya@dbp.gov.my



BORANG PENYERTAAN

**HADIAH PENULISAN DAN PENERBITAN MAJALAH
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SARAWAK 2009**

1. Nama Sekolah :

2. Alamat Sekolah :

No. Telefon : No. Faks :

3. Judul Majalah :

4. Konsep Reka Bentuk Kulit :

(sila gunakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi)

5. Pencalonan bagi Hadiah untuk Kategori Karya (mengikut genre).

- Bilangan maksimum : tiga buah karya/judul bagi setiap genre.
- Bagi setiap pencalonan, sila lengkapkan biodata penulis dan perakuan.
- Sila perbanyakkan bahagian ini, jika perlu, mengikut bilangan penyertaan.

Kategori Karya (Cerpen/Esei/Sajak)

- (i) Judul :
- (ii) Nama Penulis :
- (iii) No. Kad Pengenalan :
- (iv) Tarikh Lahir :
- (v) Jantina :
- (vi) Tingkatan :
- (vii) Sekolah :
- (viii) Alamat Rumah :
- (ix) Telefon Rumah :

Perakuan Penulis

Saya, dengan ini mengaku bahawa :

- Segala maklumat yang saya berikan ini benar.
- Karya yang dinyatakan dalam Perenggan 5 di atas sebenar-benarnya hasil tulisan saya sendiri, dan belum pernah diterbitkan di mana-mana.
- Saya juga dengan ini memberikan izin kepada Dewan Bahasa dan Pustaka menyiarkan/menerbitkan karya atau karya-karya saya itu dalam apa-apa juga bentuk mengikut syarat-syarat penerbitan yang lazim diamalkan.

.....
(Tarikh)

.....
(Tandatangan Pelajar/Penulis)

6. Perakuan Sekolah/Pengetua

Dengan ini diakui bahawa segala yang tersebut di atas adalah benar dan pihak sekolah tiada sebarang halangan bagi Dewan Bahasa dan Pustaka menyiarkan/menerbitkan sebarang karya dari majalah sekolah yang menyertai peraduan ini, mengikut syarat-syarat yang telah dinyatakan.

.....
(Tarikh)

.....
(Tandatangan Pengetua Sekolah)

.....
(Cap Sekolah)